

Newspaper	Berita Harian
Date	17 September 2015

# Tak biar kekacauan, kerosakan: PM

**Kota Kinabalu:** Datuk Seri Najib Razak menegaskan, beliau tidak akan membiarkan kekacauan yang boleh menyebabkan pertumpahan darah dan kerosakan harta benda di negara ini selagi kerajaan Barisan Nasional (BN) memerintah.

Perdana Menteri berkata, ia sejajar komitmen kerajaan yang meletakkan agenda keamanan dan keselamatan negara sebagai tumpuan paling utama.

“Kita pernah melihat pertumpahan darah, kita pernah melihat kedai terbakar, tapi saya ingin jelaskan bahawa saya tidak akan benarkan perkara itu terjadi di Malaysia,” katanya ketika merasmikan Seminar Mengukuhkan Integrasi dan Perpaduan Nasional di sini, semalam.

Majlis berkenaan yang dianjurkan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional serta Institut Kepemimpinan dan Strategi Asia (ASLI) sempena sambutan Hari Malaysia, turut dihadiri Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Joseph Kurup.

Najib berkata, walaupun ada usaha oleh pembangkang un-



Najib bersama Musa dan Joseph mengibarkan Jalur Gemilang sambil menyanyikan lagu ‘Sehati Sejiwa’ selepas merasmikan Seminar Mengukuhkan Integrasi dan Perpaduan Nasional, di Kota Kinabalu.

[FOTO IZHARI ARIFFIN/BH]

tuk mewujudkan perpecahan dalam kalangan masyarakat, beliau yakin rakyat akan terus bersatu.

“Hanya menerusi perpaduan nasional, mengurus perbezaan, tidak membiarkan kepahitan dan kemarahan dalam kalangan rakyat serta mengekalkan amalan biasa demokrasi berparlimen, kita dapat mengekalkan Malaysia yang dikagumi rakan di serata

dunia. Saya berazam kita akan melaksanakannya.

**Berjuang kekal keamanan**  
 “Kerajaan tidak akan berhenti berjuang untuk kekalkan keamanan, keharmonian dan kemakmuran kepada Malaysia yang kita semua cintai,” katanya sambil menegaskan, pihak berbahaya ialah yang menyebarkan pembongkaran dan menimbulkan kekacauan bagi

menjatuhkan kerajaan yang dipilih secara demokrasi.

Terdahulu, Musa dalam ucapannya, berkata kerajaan Sabah komited terus mengukuhkan hubungan dengan Kerajaan Pusat untuk kebaikan bersama serta berharap kedua-dua pihak dapat mencari jalan untuk menjalin kerjasama lebih berkesan dalam melaksanakan projek pembangunan di Sabah.